

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(13)

15 Oktober 2012

**PEKELILING MAHASISWA  
BIL.8/2012**

**PERINGATAN SEMULA BERKAITAN PENDAFTARAN, PEMBETULAN PENDAFTARAN DAN  
TARIK DIRI KURSUS DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN**

Peringatan semula kepada semua Mahasiswa Pengajian Separuh Masa agar sentiasa peka dan mematuhi **Perkara-perkara Penting** yang dikeluarkan pada setiap semester dan **Peraturan Akademik** serta **Pekeliling-pekeling Mahasiswa** terutamanya Pekeliling Mahasiswa Bil.1/2011 : Peringatan Berkaitan Pendaftaran Kursus Dalam Tempoh Yang Ditetapkan yang dikeluarkan pada 14 November 2011.


Diingatkan bahawa **permohonan pendaftaran (insert) kursus yang belum didaftarkan lagi pada semester berkenaan TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** selepas tarikh akhir pendaftaran lewat iaitu pada minggu kedua semester kecuali bagi semester pendek. Sehubungan ini, pendaftaran, pembetulan pendaftaran dan tarik diri kursus perlu dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti **Lampiran A**.

Justeru, mahasiswa adalah dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi Peraturan Akademik dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Mahasiswa Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*. Segala maklumat berkaitan Pengajian Separuh Masa disediakan dalam Portal Pelajar dalam laman sesawang : [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my) . Sebarang masalah dan pertanyaan boleh dipanjangkan menerusi [enquiry@utmspace.edu.my](mailto:enquiry@utmspace.edu.my) .

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar



**PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS**


Pengarah

Pusat Pengajian Separuh Masa

*UTMSPACE*

- s.k - Dekan, *UTMSPACE*  
- Ketua Jabatan Program Luar, Akademi Bahasa & Fakulti-Fakulti UTM  
- Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*

PROSEDUR PENDAFTARAN, PEMBETULAN PENDAFTARAN DAN  
TARIK DIRI KURSUS DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN



Nota :-

- Pendaftaran kursus hanya boleh dibuat selewat-lewatnya sehingga tarikh akhir tempoh pendaftaran lewat pada setiap semester. Permohonan pendaftaran kursus selepas tempoh pendaftaran tidak akan dipertimbangkan.
- Borang Pembetulan Slip Pendaftaran Kursus (Borang Insert – Delete) hanya untuk kegunaan pembetulan pendaftaran kursus sahaja. Pendaftaran kursus (*Insert*) atau penambahan pendaftaran kursus (selepas tempoh pendaftaran) menggunakan borang ini, TIDAK AKAN DIPROSES.

